

**MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM KURSUS KEMAHIRAN
ILMU KEPADA IMAM-IMAM KARIAH (KHATIB) MASJID KARIAH
PERINGKAT DAERAH BENTONG TAHUN 2023**



BENTONG, 8 MEI 2023: Bahagian Rujukan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang hari ini telah mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan Pejabat Agama Islam Daerah Bentong.

Perbincangan menjurus kepada penganjuran Program Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-imam Kariah (Khatib) Masjid Kariah Peringkat Daerah Bentong Tahun 2023. Program ini akan menekankan kepada latihan kemahiran untuk para pegawai masjid di Daerah Bentong, khusus dalam memahami etika serta protokol khutbah yang sebenar mengikut panduan hukum hakam syarak

Jabatan Mufti Pahang diwakili oleh Ustaz Shaharuddin bin Haji Muhammad Nor (Ketua Penolong Mufti Bahagian Rujukan Fatwa), Ustaz Muhammad Hasnul Hakim bin Idrus, Ustaz Muhammad Fakhri Hasif bin Roslan dan Ustaz Muhammad IzzulHazim bin Abdul Aziz. Mesyuarat dipengerusikan oleh Al-Fadhil Tuan Haji Ahmad Zaharuddin bin Mohd. Alias, Qadhi Daerah Bentong.